

30 JAN 1996

MAHATHIR UTUS PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PM TRINIDAD DAN TOBAGO

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengutuskan perutusan tahniah kepada Encik Basdeo Panday berikutan perlantikannya sebagai Perdana Menteri baru Republik Trinidad dan Tobago.

"Saya yakin bahawa di bawah kepimpinan anda, rakyat Trinidad dan Tobago akan terus menikmati kemajuan dan kesejahteraan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Wisma Putra di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau berharap dapat bekerjasama dengan Panday dalam meningkatkan hubungan mesra antara kedua-dua negara serta bidang lain yang melibatkan Komanwel.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga menghantar perutusan serupa kepada Encik Raplh Maraj yang dilantik sebagai Menteri Luar baru bagi republik itu. -- BERNAMA